

Headline
Date
Media Title
Section
Page No

Kilang disyaki curi elektrik diserbu
21 December 2011 (Wednesday)
Berita Harian
Wilayah (Utara)
23

Frequency
Circulations/Readership
Colour
Language
Journalist

Daily
160,597/1,093,000
Black & White
Bahasa Malaysia
Jalal Ali Abdul Rahim

Rabu
21 Disember 2011

BERITA HARIAN

Kilang disyaki curi elektrik diserbu

Pemeriksaan kesan wayar asing pada pendawaian di antara suis gear dan meter

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim
jalal@bharian.com.my

■ POH: Suruhanjaya Tenaga dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) semalam menyerbu sebuah kilang beroperasi di Kawasan Perindustrian Tasek, dekat sini kerana disyaki ‘mencuri’ elektrik hingga menyebabkan syarikat utiliti nasional itu kerugian hasil hampir sejuta ringgit setahun.

Serban oleh 14 pegawai Suruhanjaya Tenaga dan TNB ke ke kilang mengeluarkan produk getah itu dilakukan kira-kira jam 11.30 pagi. Bagaimanapun, pegawai berkenaan terpaksa menunggu sehingga 40 minit sebelum berjaya memasuki dan membuat pemeriksaan pencawang elektrik (PE) yang terletak berdekatan pagar premis itu kerana pintunya dikunci pihak pengurusan.

Selepas kira-kira 20 minit memeriksa, pegawai Suruhanjaya Tenaga dan TNB menemui wayar asing pada pendawaian di antara suis gear dan meter.

Sumber berkata, wayar itu dijadikan wayar pintasan yang berfungsi mengalihkan sebahagian tenaga elektrik digunakan hingga mengakibatkan meter tidak dapat merekodkan bacaan sebenar.

“Pemeriksaan awal mendapati hanya kira-kira 60 peratus peng-

gunaan elektrik dapat direkodkan pada meter. Akibat perbuatan ini, kita anggarkan TNB kerugian kira-kira RM80,000 sebulan,” katanya ditemui selepas serbuan itu di kilang berkenaan.

Sumber itu berkata, Suruhanjaya Tenaga menyiasat kes kecurian elektrik itu mengikut Seksyen 37(3) Akta Bekalan Elektrik 1990 dan jika sabit kesalahan, pengurusan kilang boleh didenda sehingga RM100,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali.


Katanya, TNB pula akan membuat siasatan lanjut kes itu mengikut Seksyen 38 akta sama atas kerugian hasil sebelum menuntut kerugian hasil berkenaan.

Sementara itu, seorang lelaki dipercayai pegawai di kilang itu tidak berpuas hati terutama apabila melihat kelabit wartawan dan jurugambar menyertai operasi berkenaan sebaik premis itu diserbu.

Beliau bagaimanapun kelihatan berubah menjadi ‘mesra’ apabila pegawai Suruhanjaya Tenaga dan TNB mengesan kegiatan salah berkenaan.

Sehingga jam 4.15 petang, pegawai TNB masih berada di kilang itu bagi mengumpul bukti dan memperbaulkkan wayar antara suis gear dan meter supaya bacaan penggunaan elektrik kembali tepat.

● L MANIMARAN | BERITA HARIAN



KAKITANGAN TNB memeriksa pendawaian elektrik sebuah kilang membuat tayar dalam ops elektrik di kawasan Perindustrian Tasek.